



RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
(KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH)

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **210101 DAN 210103** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:-

Tender	Tajuk Bekalan	Taklimat Tapak	Harga Dokumen	Tempoh Pembelian Dokumen Tender	Tarikh / Waktu Tutup / Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0-05/2013	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYENGGARA SEPANJANG TEMPOH JAMINAN PERKAKASAN DAN PERISIAN KOMPUTER SEBANYAK 300 UNIT BAGI KEGUNAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB RISDA 2013 secara eBidding	30.04.2013 (Selasa) KEHADIRAN DIWAJIBKAN Pendaftaran: ➢ Wajib membawa Sijil Asal MoF dalam bidang berkenaan yang masih sah tempoh laku serta satu (1) salinan fotostat ➢ Waktu : 9.00am – 10.30am Pembekal yang lewat tidak akan dibenar menyertai tender Waktu Taklimat: 10.30am Tempat: Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur	RM50.00	Mulai pada 30.04.2013 (Selasa) Jam 2.30 pm Sehingga 21.05.2013 (Selasa)	21.05.2013 (Selasa) Jam : 12.00 Tengahari Urusetia: Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"KETUA PENGARAH RISDA"**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Isnin hingga Khamis : Dari jam 08.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan Dari jam 02.30 petang hingga 03.30 petang.

Jumaat : Dari jam 08.30 pagi hingga 11.30 tengah hari dan Dari jam 03.00 petang hingga 03.30 petang.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada pembekal yang sah saja. Satu pembekal dibenarkan membeli hanya satu naskah dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, pembekal / wakil **wajib** membawa Sijil Kehadiran Tapak dan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran serta DUA (2) salinan sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender. PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.

Dokumen-dokumen **tawaran tender teknikal** dan **tawaran tender kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan**. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur pada atau tidak lewat daripada 21/05/2013 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari.

Pembida hendaklah berdaftar di www.sennego.com. Pembida yang disenarai pendek akan dipelawa untuk menyertai eBIDDING. Fi perkhidmatan sebanyak 0.5% bagi setiap transaksi dikenakan kepada pembekal berjaya melalui proses eBIDDING, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH DIBAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"